



Sejarah Perjuangan Wanita Dalam Perkhidmatan Awam, 1957-1970: Hak, Kebajikan dan Keadilan

Sharifah Darmia Sharif Adam

Pengenalan

Dewasa ini, golongan wanita telah memberikan sumbangan konstruktif terhadap pembangunan negara. Peluang telah terbuka luas bagi golongan wanita untuk berkhidmat dan bersaing dalam pelbagai bidang sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Sebahagian daripada mereka berkecimpung dalam bidang pentadbiran, pendidikan, perubatan, perindustrian dan sebagainya. Tahap pendidikan dan kemahiran yang tinggi telah mendayaupayakan wanita untuk menceburi pelbagai bidang profesional, tidak terkecuali, pekerjaan yang lazimnya merupakan dominasi golongan lelaki. Namun begitu, keadaan agak berbeza bagi golongan wanita pada zaman kolonial British dan pascakemerdekaan (1957-1970). Walaupun negara sudah merdeka, tetapi masih terdapat jurang sosial dan diskriminasi antara wanita dan lelaki, termasuklah dalam perkhidmatan awam. Ketika itu, timbul isu kritikal seperti perjawatan tetap, persamaan gaji antara pekerja lelaki dan wanita. Isu ini menjadi antara persoalan utama yang seringkali dibangkitkan oleh pertubuhan tertentu bagi memastikan hak dan kebajikan pekerja wanita terus terbela. Dalam konteks ini, terdapat dua pertubuhan utama yang dikenal pasti telah berperanan penting memperjuangkan hak dan kebajikan pekerja wanita di negara ini iaitu Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (*National Council of Women's Organisation – NCWO*) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (*Congress of Union of Employees in the Public Services – CUEPACS*).

Bersatu Kita Teguh

Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (*National Council of Women's Organisation – NCWO*) merupakan sebuah gerakan wanita yang berpengaruh dan berperanan penting dalam pembangunan kebajikan pekerja wanita di negara ini. Sejak tahun 1963, NCWO sebagai

sebuah badan bukan kerajaan atau *Non Governmental Organisation* (NGO) telah menjadi wadah utama bagi golongan wanita untuk menyampaikan suara hati mereka terhadap pelbagai isu yang melibatkan hak dan kebajikan wanita. NCWO telah memberikan sumbangan besar terhadap aspek ini kerana para pemimpin pertubuhan tersebut sentiasa bersungguh-sungguh untuk memperjuangkan hak dan kebajikan pekerja wanita. Peranan NCWO terhadap pembangunan wanita dapat ditelusuri dengan jelas melalui kajian yang dilakukan oleh Makmor Tumin (2006). Penulis tersebut menyatakan NCWO merupakan wadah utama yang mewakili suara hati wanita Malaysia demi memastikan kerajaan terus responsif terhadap isu dan kepentingan wanita. Diskriminasi terhadap wanita bukan sahaja bercanggah dengan ajaran Islam, malah diskriminasi memperlihatkan kepincangan sosial yang sadistik dalam negara itu sendiri.

Mengenali latar belakang NCWO, menurut Nik Safiah Karim dan Makmor Tumin (2001), pertubuhan ini ditubuhkan pada 25 Ogos 1963 hasil daripada satu kertas cadangan yang dikemukakan oleh *Young Women's Christian Association* (YWCA) pada Ogos 1960. Pertubuhan ini bercadang untuk menyatukan semua pertubuhan wanita (Pertubuhan Bukan Kerajaan/NGO) di bawah satu badan perunding dan penasihat induk. Berikutan itu, pada Disember 1960, perwakilan daripada lapan pertubuhan wanita telah bermusyawarah untuk membincangkan pelaksanaan gagasan murni tersebut. Senarai pertubuhan tersebut meliputi:

1. *Women Teachers' Union (WTU) Federation of Malaya*
2. *Young Women's Christian Association (YWCA)*
3. *National Association of Women's Institutes (NAWIM) Federation of Malaya*
4. *Malayan Trained Nurses Association*
5. *Girl Guides Association, Federation of Malaya*
6. *Muslim Women's Welfare Council, Federation of Malaya*
7. *Pan Pacific South East Asia Women's Association (PPSEAWA)*
8. *Women's International Club*

Perbincangan proaktif lapan kumpulan wanita ini kemudiannya berhasil membentuk satu jawatankuasa induk yang diketuai oleh Rasamma Bhupalan. Satu bengkel juga telah dianjurkan pada 7-12 Ogos 1961. Bengkel bersejarah ini telah menggubal satu draf perlembagaan bagi menubuhkan sebuah majlis wanita nasional dengan matlamat awalnya untuk memercukan taraf hidup wanita dan menjalinkan kerjasama dalam menjalankan aktiviti kewanitaan. Dengan itu,

jelas terdapat usaha daripada golongan wanita itu sendiri untuk membela hak dan kebajikan pekerja wanita sejak awal kemerdekaan dicapai (Nik Safiah Karim dan Makmor Tumin, 2002).



Rasamma Bhupalan

Sumber: https://ncwomalaysia.org/ncwo_wp/history-foundingmothers-thepresidents/. Tarikh akses 1 Disember 2023.

Pada April 1962, Kaum Ibu UMNO telah membuat perancangan untuk mengadakan satu mesyuarat bagi pertubuhan wanita, bersempena dengan sambutan Hari Wanita yang pertama di Persekutuan Tanah Melayu (PTM). Satu Jawatankuasa Hari Wanita dibentuk dan dipengerusikan oleh Fatimah Hashim iaitu Ketua, Kaum Ibu UMNO yang mewakili 16 persatuan wanita. Berikutan itu, buat pertama kalinya Hari Wanita telah berjaya disambut dengan meriahnya di Kuala Lumpur pada 25 Ogos 1962. Rentetan kejayaan sambutan Hari Wanita tersebutlah yang telah mendorong Fatimah Hashim untuk menghubungi Rasamma Bhupalan bagi menggagaskan penggabungan kedua-dua kumpulan wanita tersebut.

Dengan itu, ahli NCWO dan Kaum Ibu UMNO telah bertemu dan bersetuju membentuk satu gabungan pada 2 Mac 1963. NCWO secara rasminya ditubuhkan menerusi mesyuarat khas pada 25 Ogos 1963, di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang. Selaras dengan itu, sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk menjalankan tugas selama dua tahun iaitu bagi sesi 1963-1965 (Bhupalan, t.th). Gabungan kedua-dua pertubuhan tersebut menjadikan NCWO sebagai pertubuhan yang mewakili semua wanita di PTM. Demikian menurut akhbar *Mingguan Malaysia*, bertarikh 10 Februari 1980. Matlamat awal pengasasan murni NCWO merangkumi:

1. Menyatukan semua pertubuhan wanita.
2. Meningkatkan status wanita dan berusaha untuk kebajikan wanita dan kanak-kanak.
3. Mengkaji undang-undang yang berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak.
4. Untuk berusaha ke arah kemajuan status wanita ke dalam pelbagai aspek seperti perundangan, politik, sosial, ekonomi, moral dan pendidikan.

5. Menggalakkan penyertaan wanita dalam pembangunan secara bermaklumat dan bijak bagi pembangunan bangsa.



Fatimah Hashim

Sumber: https://ncwomalaysia.org/ncwo_wp/history-foundingmothers-thepresidents/. Tarikh akses 1Disember 2023.

Seterusnya, berdasarkan laporan akhbar *Mingguan Malaysia*, pada 25 Ogos 1965 buat pertama kalinya NCWO telah menganjurkan persidangan yang melibatkan 12 ahli gabungannya:

1. *National Association of Women's Institutes of West Malaya*
2. *Young Women Christian Association of Malaya*
3. Persatuan Wanita Universiti
4. *Pan Pacific and Southeast Asia Women Association*
5. Kaum Ibu UMNO
6. Bahagian Wanita MCA
7. Bahagian Wanita MIC
8. *St. Johns Ambulance Brigade*
9. Persatuan India Selangor
10. Kelab Wanita Antarabangsa
11. Persatuan Wanita Lai Chee
12. Kesatuan Guru-Guru Wanita Malaya

Peranan NCWO dalam memperjuangkan hak dan kebajikan golongan wanita di PTM dalam tempoh pra-1970 dilihat begitu signifikan demi mempertingkatkan taraf hidup wanita di negara ini. Pengaruh dan peranannya yang tuntas sebagai satu badan penasihat dan perundingan menyebabkan NCWO mampu menggalas tugas sebagai organisasi konstruktif dan dinamik untuk memperjuangkan hak dan kebajikan wanita. Dalam perkembangan berkaitan, pada tahun 1967, Yang Dipertua NCWO, Fatimah Hashim dan Setiausaha Majlis, Rasamma Bhupalan

telah menemui Menteri Keadilan iaitu Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub untuk membincangkan tindakan bagi memartabatkan taraf hidup wanita dari segi undang-undang. Ini bermakna ketika itu sudah terdapat kesedaran mangkus dalam NCWO untuk memperjuangkan hak dan kebajikan secara legalistik. Jelas, pertubuhan ini bergerak secara progresif dan proaktif dengan semangat dan citra kewanitaan nasional.

Selain itu, NCWO telah memberikan sumbangan konstruktif apabila pertubuhan ini menuntut jawatan tetap bagi kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam di PTM. Peristiwa berkenaan telah dilaporkan dalam akhbar *Mingguan Malaysia*. NCWO melalui Yang Dipertuanya, Fatimah Hashim dan Naib Yang Dipertua, Hajah Aisyah Ghani telah menemui Perdana Menteri PTM, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Kedua-dua tokoh wanita ini merayu agar kerajaan PTM menguatkuasakan dengan segera dasar persamaan gaji antara kakitangan awam wanita dan lelaki. Pertemuan tersebut telah membuahkan hasil apabila kerajaan PTM telah mengisytiharkan penguatkuasaan dasar tersebut tepat pada 1 Ogos 1969. Dengan itu, jelaslah bahawa NCWO telah melakarkan peranan yang penting dalam perjuangan menobatkan hak dan kebajikan kakitangan wanita dalam sektor awam di PTM.

Yang menariknya, menurut laporan akhbar *Mingguan Malaysia* lagi, NCWO merupakan satu-satunya pertubuhan yang menggabungkan 23 pertubuhan wanita daripada pelbagai bangsa dan bergiat cergas dalam pelbagai lapangan, termasuklah kerja-kerja kesukarelaan dan kebajikan. Ini memperlihatkan NCWO merupakan sebuah pertubuhan nasional yang mampu menggabungkan mancapertubuhan wanita untuk bersatu dalam memperjuangkan hak dan kebajikan wanita, khususnya dalam isu kesamarataan gaji dalam perkhidmatan awam, seperti dicerakin tadi. Dari segi ini, peranan dan pelbagai prakarsa tuntas NCWO – sebagai wahana bitara yang memperjuangkan hak dan kebajikan wanita – telah dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Hakikat ini bertepatan dengan peranan wanita sebagai bunga bangsa dan srikandi negara.

Tuntutan Tegas dan Tindakan Tuntas

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (*Congress of Union of Employees in the Public Services* – CUEPACS) merupakan sebuah kesatuan sekerja sektor awam yang merangkumi Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan. Berdasarkan kajian Yap Sui Fook (1988/1999), dalam persidangan perwakilan kelima Majlis Pihak Pekerja Kerajaan pada 24 April 1955, satu resolusi sebulat suara telah diterima yang membawa lahirnya Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam atau lebih dikenali dengan nama CUEPACS.

Pada 23 Oktober 1957, CUEPACS telah diberikan sijil pendaftaran sebagai Persekutuan Kesatuan Sekerja di bawah Enakmen Kesatuan Sekerja dan turut diberikan status sebagai kesatuan sekerja. Menurut Rohana Ariffin (1997), kerajaan melihat CUEPACS sebagai perantara bagi kakitangan awam untuk menyampaikan segala permasalahan kepada kerajaan dan kegiatan CUEPACS tidaklah mengganggu kepemimpinan kerajaan. Pada 12 November 1960, CUEPACS telah didaftarkan semula di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 (No. Daftar: 195). Ini bermakna CUEPACS berperanan sebagai wasilah bitara yang menggabungkan pelbagai persatuan sekerja dalam perkhidmatan awam bagi menjaga kebajikan anggota perkhidmatan awam di PTM.

Perlu ditegaskan, CUEPACS turut berperanan penting dalam perjuangan hak dan kebajikan kakitangan wanita dalam sektor awam di PTM sekitar 13 tahun selepas merdeka. Sebelum mencapai kemerdekaan, golongan wanita tidak mempunyai peluang yang luas untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Menurut F.R. Bhupalan (2006), bilangan pekerja wanita dalam sektor awam adalah terhad. Selain itu, sebilangan besar kakitangan wanita ditempatkan dalam profesion perguruan dan kejururawatan. Menurut Rohana Ariffin, dalam tempoh antara tahun 1957-1967, golongan wanita kebanyakannya berkhidmat dalam bidang perguruan, kejururawatan dan perbidanan dengan jumlah seramai 38,439 orang. Namun, dari segi bayaran gaji, didapati terdapat perbezaan antara gaji kakitangan lelaki dan wanita, walaupun mereka mempunyai kelayakan akademik yang sama dan menjalankan tugas yang sama. Dengan erti kata lain, kakitangan wanita dibayar gaji yang lebih rendah berbanding kakitangan lelaki dalam perkhidmatan awam dewasa itu. Ini berlaku sejak zaman kolonial British lagi. Selepas merdeka, diskriminasi sedemikian sudah tentu menimbulkan kebobrokan dan perbantahan kerana kezaliman merupakan musuh keadilan, manakala keadilan merupakan tonggak kemerdekaan dan tiang seri negara merdeka.

Melalui isu gaji inilah, peranan CUEPACS dalam perjuangan hak dan kebajikan kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam dapat dijejaki dengan jelas. Prakarsa CUEPACS terserlah menerusi peranannya meningkatkan taraf ekonomi wanita dalam sektor awam melalui tuntutan persamaan gaji dengan kakitangan lelaki. Berdasarkan kajian Rohana Ariffin (1997), persoalan mengenai diskriminasi gaji antara wanita dan lelaki dalam sektor awam sebenarnya telah pun dibangkitkan sejak tahun 1946 lagi iaitu apabila kerajaan kolonial British membentuk Suruhanjaya Mandat (*Trust Commission*). Tujuannya, untuk menilai semula dan membuat cadangan berhubung isu gaji dalam perkhidmatan awam kolonial.

Walaupun bagaimanapun, isu diskriminasi gaji terhadap kakitangan wanita tidak dibangkitkan secara serius dan ia hanya disentuh dalam Suruhanjaya Benham (1950). Hasilnya, terdapat syor agar kakitangan wanita mendapat penyesuaian gaji iaitu sekitar empat perlima daripada gaji yang diterima oleh kakitangan lelaki. Diskriminasi ini masih berlaku disebabkan oleh sesetengah kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam (berstatus tetap) yang telah berkahwin, namun mereka tidak boleh dipindahkan secara bebas dari satu tempat ke satu tempat bertugas yang lain. Malahan, menurut F.R. Bhupalan (2006), terdapat kakitangan wanita yang sudah mendirikan rumah tangga, tetapi diminta meletakkan jawatan dan kemudian dilantik semula sebagai staf berstatus sementara.

Masa berlalu, manusia berubah. Apabila jumlah golongan wanita dalam perkhidmatan awam nasional semakin bertambah pada dasawarsa 1960-an, isu tuntutan persamaan gaji semakin mendapat perhatian serius. Sebagai contohnya, berdasarkan *Parliamentary Debate, Dewan Ra'ayat, Official Report* (1963), Ahli Parlimen Jitra Padang Terap iaitu Datin Fatimah Haji Hashim telah mengemukakan pertanyaan kepada Perdana Menteri PTM, Tunku Abdul Rahman: adakah kerajaan sudah menerima laporan daripada jawatankuasa yang ditugaskan untuk mengkaji kenaikan gaji kakitangan wanita agar sama dengan gaji kakitangan lelaki dalam perkhidmatan awam? Persoalan itu kemudiannya mendapat maklum balas yang tegas dan jujur daripada Tunku Abdul Rahman. Beliau memberikan jaminan laporan tersebut akan disiapkan dengan segera.

Selaras dengan itu, berdasarkan pengamatan Rohana Ariffin, apabila kerajaan PTM bertindak meneliti isu persamaan gaji khusus untuk guru lelaki dan wanita, CUEPACS telah mendesak kerajaan PTM agar mengkaji tuntutan persamaan gaji bagi semua kakitangan wanita yang

berkhidmat di sektor lain dalam seluruh perkhidmatan awam nasional. Hasilnya, Laporan Suruhanjaya Gaji Suffian telah mengesyorkan (i)persamaan pembayaran gaji bagi kakitangan wanita dengan kakitangan lelaki dan (ii)pembayaran gaji semasa cuti bersalin selama tiga bulan dalam tempoh berpantang. Serentak dengan itu, berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1969, mulai 1 Mei 1969, pegawai dan guru wanita di bawah skim perkhidmatan yang sama – dengan pegawai dan guru lelaki – akan dipindahkan serta merta atau secara beransur-ansur ke tangga gaji yang sama, seperti tangga gaji pegawai dan guru-guru lelaki. Sementara itu, kakitangan wanita dan guru wanita yang dilantik sebelum 1 Mei 1969 akan menikmati tangga gaji baharu berlunaskan prinsip persamaan gaji – tertakluk kepada syarat tertentu, seperti kelulusan peperiksaan dan tahap kecekapan. Ini merupakan sejarah gemilang yang layak ditulis dengan tinta emas, hasil daripada perjuangan CEUPACS demi membela hak dan kebajikan kakitangan wanita dalam sektor awam.

Peranan CUEPACS dalam pembangunan kebajikan bagi kakitangan awam wanita turut meliputi golongan wanita yang berkerja sebagai kerani. CUEPACS dan kesatuan pekerja awam yang lain telah menubuhkan *Women's Action Front* (WAF) untuk memperjuangkan hak dan pembayaran gaji yang sama bagi kakitangan wanita yang berkhidmat sebagai kerani. Diksriminasi gaji berasaskan jantina ini dapat dilihat dalam laporan *Berita Harian*, bertarikh 12 April 1958. Akhbar nasional ini telah mendedahkan gaji permulaan bagi kerani lelaki adalah \$137.50 dan kerani wanita adalah \$122.50. Jelas, wanita mendapat gaji yang lebih rendah – masakan kerajaan dapat menegakkan benang yang basah.

Seterusnya, pada April 1968, WAF berperanan penting dalam perjuangannya untuk menuntut hak persamaan gaji dengan melancarkan demonstrasi aman di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Demonstrasi dan tuntutan mereka mendapat perhatian pantas daripada kerajaan PTM yang kemudiannya telah bersetuju untuk memberikan gaji yang sama antara kakitangan wanita dan lelaki. Namun, kerajaan memerlukan tempoh masa selama lima tahun untuk melaksanakannya atas alasan masalah kewangan. Sehubungan itu, perkara ini mendapat reaksi hangat dalam Perbahasan Parlimen (Dewan Negara yang kedua, Penggal Kelima, Penyata Rasmi, 7 Jun 1968), apabila Aishah Haji Abdul Ghani menegaskan tuntutan wanita untuk mendapat keadilan sosial dan ekonomi masih dipandang sepi oleh pihak kerajaan.

Tempelakan Aishah bukanlah tidak berasas. Tempoh lima tahun adalah satu jangka masa yang lama bagi golongan wanita untuk mendapatkan persamaan gaji. Ini menyebabkan CUEPACS

dan kesatuan sekerja yang lain berterusan mengesa dan mendesak kerajaan agar mempercepatkan pelaksanaan tuntutan keadilan tersebut. Hasilnya, tahun 1970 merupakan tahun bersejarah dan tahun keadilan bagi kakitangan awam wanita kerana persamaan gaji, status berpencen dan syarat-syarat perkhidmatan yang lain diberikan kepada semua kakitangan wanita yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Kejayaan gemilang ini membuktikan kepentingan CUEPACS sebagai kesatuan yang menjadi perantara bitara bagi kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam demi menegakkan pasak keadilan dalam negara merdeka, di samping membanteras diskriminasi gender yang telah berakar umbi sejak zaman kolonial British lagi. Sekali air bah, sekali pantai berubah.

CUEPACS bergerak selangkah lagi ke depan dalam isu keadilan bagi kakitangan wanita dalam sektor awam. Sumbangan penting ini dapat ditelusuri melalui semakan semula terhadap peraturan mengenai wanita yang telah berkahwin di bawah Perintah Umum Seksyen 32 iaitu mereka diminta untuk berhenti daripada pekerjaannya, dan selepas itu mereka boleh bekerja sebagai pekerja sementara untuk beberapa bulan, seperti dinyatakan oleh F.R. Bhufalan. Hasil perjuangan CUEPACS, pada tahun 1960, kakitangan wanita yang telah disahkan jawatan mereka dalam perkhidmatan awam, tidak perlu berhenti kerja selepas berkahwin. Justeru, CUEPACS telah memberikan komitmen dan dedikasi sepenuhnya sebagai pembela hak dan kebajikan wanita dalam perkhidmatan awam nasional.

Sumbangan Mapan dan Sanjungan Mesra

Sementelahan mewacanakan peranan CUEPACS dalam persoalan membela hak dan kebajikan kakitangan awam wanita, adalah perlu untuk menyentuh tentang penubuhan Jawatankuasa Wanita CUEPACS. Menurut laporan CUEPACS (1968-1970), Persidangan Perwakilan yang ke-11, bertarikh 18-20 Disember 1970, penubuhan jawatankuasa tersebut telah dimuafakati dalam mesyuarat majlis kongres, bertarikh 30 Mac 1969. Rasionalnya, perjuangan hak dan kebajikan kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam nasional tidak hanya terbatas kepada persoalan kenaikan gaji semata-mata sahaja, bahkan turut melibatkan pelbagai urusan lain, seperti dasar kekeluargaan dan sebagainya.

Lantaran itu, CUEPACS telah memberikan sokongan sepenuhnya terhadap penubuhan Jawatankuasa Wanita. Ia dipengerusikan oleh Theresa Choong dan dianggotai oleh Lau Pik Har, Margeret Ching, Kalthom binti Hj. Hamzah, Ong Siew Eng, Annie Ann, Nyonya John

Gurusamy, Rama Gopal, Mas Halila, Rosalind Kanoo, Ivy Khoo, Elizabeth Ho, Nancy Yee Siew Lan, Cheah Swee Har dan Nyonya D.J. Krael. Sebagai Pengerusi, Jawatankuasa Wanita CUEPACS, Theresa Choong telah menghadiri Persidangan Wanita Sedunia yang diadakan oleh Pertubuhan Perkhidmatan Awam Antarabangsa (PSI), pada 27- 30 April di Stockholm, Sweden. Terdapat 125 wakil wanita daripada 18 buah negara membangun, dengan 28 kesatuan dalam perkhidmatan awam terlibat dalam persidangan internasional itu.

Isu kritikal yang membabitkan penambahbaikan dasar kekeluargaan, penggajian, kenaikan pangkat dan kegiatan ahli-ahli wanita dalam persatuan merupakan antara agenda kritikal yang dibincangkan dalam Persidangan Wanita Sedunia. Hasilnya, terdapat empat resolusi penting yang bertautan dengan hak dan kebajikan wanita, seperti dititipkan di sini:

- Pertama, jaminan persediaan untuk kehidupan berkeluarga, membantu ibu yang bekerja dengan mengadakan perkhidmatan menjaga anak-anak semasa bekerja, menyesuaikan waktu persekolahan dengan waktu bekerja, mengurangkan jam bekerja, menjamin semua wanita yang bekerja supaya mendapat faedah kebajikan, seperti gaji penuh semasa cuti selepas bersalin, persamaan ganti rugi yang dibayar untuk kecederaan atau dijangkiti penyakit semasa bekerja, perkhidmatan kesihatan percuma sebelum dan selepas bersalin, pengecualian cukai dan pemberian elaun terhadap ibu bekerja yang mempunyai anak berusia di bawah tiga tahun dan lain-lain.
- Kedua, pemberian latihan, gaji dan kenaikan pangkat hendaklah sama bagi anggota wanita dengan anggota lelaki dalam perkhidmatan awam.
- Ketiga, hak yang sama diberikan kepada anggota wanita untuk menyertai kesatuan sekerja.
- Keempat, hak dan tugas kakitangan wanita bujang tidak dibezakan dari segi cukai, rumah dan lain-lain.

Yang paling mengharukan ialah kesungguhan dan ketulusan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Sokongan beliau merupakan antara faktor terpenting yang menggerakkan pelbagai perubahan positif dalam isu pembelaan hak dan kebajikan bagi kakitangan wanita dalam sektor awam di negara ini. Hakikat ini terpancar menerusi pengakuan

apresiatif Fatimah Hashim (2006), *“We proposed that women in the public sector should be paid the same salary as men for performing the same jobs. Tunku agreed, and the Cabinet accepted it in principle. However, this was implemented only in 1970. later on, the private sector also follow suit”*. F.R. Bhupalan turut menegaskan, *“Tunku then set the ball rolling and when the time was ripe, we had won our struggle – Equal Pay For Equal Work. Today women were employed in large numbers; many hold high- ranking, responsible positions in the Government and Private Sectors. The old colonial policy of discrimination against women has ended and it is Tunku who was responsible for its early demise.”*

Di samping itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dibentuk di bawah Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan, diberikan amanah dan kuasa untuk melantik, mengesahkan dan menempatkan pegawai-pegawai yang berkeelayakan dan berkaliber tanpa mengamalkan diskriminasi gender dalam perkhidmatan awam. Dengan itu, lebih ramai kakitangan wanita berpeluang memegang jawatan penting dan menikmati hak yang sama rata dengan staf lelaki dalam sektor awam (Abdullah Sanusi Ahmad, Norma Mansor dan Abdul Kuddus Ahmad, 2003). Ini bukanlah perjuangan yang mudah, tetapi proses yang sangat panjang berliku-liku.

Kesimpulan

NCWO dan CUEPACS telah berperanan penting dalam memperjuangkan hak dan kebajikan kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam nasional, dalam tempoh 1957-1970. Pelbagai gagasan dan prakarsa murni telah dikemukakan oleh kedua-dua pertubuhan tersebut sehinggakan berjaya membawa perubahan mangkus lantas memberikan sumbangan tuntas terhadap hak dan kebajikan pekerja wanita dalam sektor awam mahupun sektor swasta di negara ini. Kedua-kedua pertubuhan ini jelas sangat proaktif dan progresif untuk menangani pelbagai isu kewanitaan, seperti tuntutan persamaan gaji antara lelaki dan wanita, kenaikan pangkat, latihan, faedah-faedah seperti cuti dan sebagainya, sejajar dengan keluhuran Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Betapapun demikian, perubahan tersebut tidaklah tercapai tanpa sokongan tulus dan tegas daripada kerajaan Malaysia, khasnya Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman – jika tidak dipecahkan ruyung, masakan dapat sagunya.

Rujukan

Abdullah Sanusi Ahmad, Norma Mansor dan Abdul Kuddus Ahmad. (2003). *The Malaysian Bureaucracy Four Decade of Development*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia.

Berita Harian, 12 April 1958.

Fatimah Hashim. (2006). "Tunku-The Architect of Our Independence". Dalam Prabhakaran Nair, *Prince Among Men*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

F.R. Bhupalan. (2006). "Indefatigable Proponent of Women's Right and Justice". Dalam Prabhakaran Nair, *Prince Among Men*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

F.R. Bhupalan. (t.th). *A Short History of the National Council of Women's Organisations Malaysia* (1960 – 1979). [2007/0021392W Arkib Negara Malaysia].

https://ncwomalaysia.org/ncwo_wp/history-foundingmothers-thepresidents/ (Tarikh akses 19/12/2023).

Kongress Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam, Laporan untuk 1968-1970, Persidangan Perwakilan yang ke 11, bertarikh 18,19 dan 20 Disember 1970 bertempat di Dewan Persatuan Pemandu Puteri, Kuala Lumpur.

Makmor Tumin. (2006). *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mingguan Malaysia, 10 Februari 1980.

Nik Safiah Karim dan Makmor Tumin. (2001). "Sumbangan NGO Wanita Dalam Politik: Kerjasama NCWO dengan Kerajaan". Dalam Simposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia: Isu dan Cabaran Abad ke-21, pada 22 -24 Julai 2001, Anjuran Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Parliamentary Debate, Dewan Ra'ayat, Official Report, Persekutuan Tanah Melayu. (1963). Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan.

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1969, Kuala Lumpur, 5 Ogos 1969.

Perbahasan Parlimen, Dewan Negara yang Kedua, Penggal Kelima, Penyata Rasmi, 7 Jun 1968. (1969). Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1969.

Rohana Ariffin. (1997). *Women and Trade Unions in Peninsular Malaysia with Special Reference to MTUC and CUEPACS*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Yap Sui Fok. (1988/1989). CUEPACS, Kajian Upah Dan Perundingan Kolektif Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia. Kertas Projek. Fakulti Ekonomi. Universiti Kebangsaan Malaysia.